

KBS dicadang bida Sukan Asia 2030

14/3/17
SH



Norza Zakaria

➔ Malaysia
miliki
keupayaan
anjur temasya
sukan
serantau: MOM

Oleh Jumiati Rosly
jumiati@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Majlis Olimpik Malaysia (MOM) mencadangkan supaya kerajaan Malaysia mengemukakan bidaan untuk menjadi tuan rumah temasya Sukan Asia pada 2030.

Presiden MOM, Datuk Seri Mohamad Norza Zakaria berkata cadangan kepada Kementerian Belia dan Sukan (KBS) itu disampaikan pihaknya menerusi Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN), Datuk Ahmad Shapawi Ismail semalam.

"Kita sudah mencadangkan kepada KBS menerusi Datuk Ahmad Shapawi Ismail sebentar tadi (semalam) supaya kerajaan menimbangkan pengajuan Sukan Asia 2030 kerana

kita ada kemudahan dan infrastruktur yang baik. Saya rasa sudah tiba masanya kita menjadi tuan rumah kepada temasya sebesar ini.

"Perkara ini akan dibawa oleh Shapawi kepada perhatian Menteri Belia dan Sukan (Syed Saddiq Syed Abdul Rahman) sebelum dibawa ke peringkat lebih atas," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Lembaga Eksekutif MOM di sini, semalam.

Kalah di tangan Qatar

Kali terakhir Malaysia membida untuk menjadi tuan rumah Sukan Asia adalah pada 2006. Namun ia tidak tercapai, apabila kalah di tangan Doha, Qatar pada majlis pengundian di Busan, Korea Selatan pada 2000.

Malaysia sebelum ini pernah menjadi tuan rumah Sukan Komanwel pada 1998 selain be-

berapa kali temasya Sukan SEA. Mengulas lanjut, Mohamad Norza berkata pihaknya sudah mendapat maklumat mesyuarat Majlis Olimpik Asia (OCA) di Bangkok pada awal bulan ini tentang bidaan Sukan Asia 2030 yang masih terbuka.

"Kalau kita lihat kita sudah berjaya menganjurkan Sukan Komanwel 1998 dan baru-baru ini Sukan SEA 2017. Kita memiliki kemudahan bertaraf dunia dan mempunyai kepakaran menganjurkan temasya sebesar ini. Kita juga dapat pertingkatkan daripada segi persiapan dan kebolehan atlet untuk pergi ke peringkat lebih tinggi," katanya.

Buat masa ini, India dan Filipina dikatakan berminat untuk turut membida Sukan Asia 2030. Sebagai rekod, Sukan Asia 2022 bakal diadakan di Huangzhou, China manakala Nagoya, Jepun pada 2026.